

08 AUG 1998

Samy Vellu-MIC

MIC MINTA KERAJAAN SEGERAKAN CADANGAN PELAN PEMULIHAN EKONOMI

PETALING JAYA, 8 Ogos (Bernama) -- MIC meminta kerajaan supaya menyegerakan segala cadangan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara bagi membolehkan pemulihan ekonomi negara berjalan dengan lebih cepat.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata parti itu berharap agar cadangan-cadangan yang terdapat dalam pelan tersebut diteruskan dalam apa jua keadaan.

"MIC sangat berharap supaya langkah-langkah bijak itu dapat disegerakan supaya kita boleh cepat keluar daripada masalah kegawatan kini," kata beliau ketika berucap di Perhimpunan Agung MIC ke-52 di Subang Jaya dekat sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional merasmikan perhimpunan sehari itu yang dihadiri lebih 1,350 perwakilan dari seluruh negara.

Pelan itu yang dicadangkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara baru-baru ini meliputi usaha untuk menstabilkan ringgit, memulihkan kestabilan pasaran kewangan, memperkukuhkan asas-asas ekonomi, meneruskan agenda sosio-ekonomi dan ekuiti dan memulihkan sektor-sektor yang menghadapi masalah.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, turut mengajak rakyat supaya memberikan sokongan padu kepada perjuangan dan kepimpinan Dr Mahathir dalam menangani masalah ekonomi sekarang.

"Dr Mahathir adalah pembina negara, seorang negarawan dan pemimpin antarabangsa. Masa depan beliau tidak ditentukan oleh media asing dan penyangak matawang," katanya.

Beliau berkata rakyat amat bertuah kerana langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah mula menunjukkan kesan positif dan dengan demikian "amatlah penting bagi kita sebagai rakyat Malaysia terus memberikan mandat kepada barisan pemimpin kerajaan sekarang yang berpengalaman untuk meneruskan usaha mereka".

Samy Vellu berkata rakyat perlu berhati-hati dan memahami apa yang berlaku memandangkan negara kini diancam oleh pihak tertentu dari luar.

"Janganlah kita mudah terpengaruh dengan hasutan pihak-pihak yang mahu melihat kita jatuh akibat masalah ekonomi. Kita mesti bijak membuat keputusan dan tidak terikut-ikut," katanya.

Mengenai pendidikan, Samy Vellu mengulangi komitmen MIC untuk meningkatkan taraf pendidikan masyarakat India terutama melalui pembinaan lebih banyak kolej dan pemberian bantuan kewangan bagi melahirkan satu masyarakat berilmu yang mampu menghadapi cabaran pada alaf baru.

MIC kini sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah universiti di Kedah dengan kerjasama Universiti Bristol dari Britain serta sebuah institut teknologi di Ipoh dengan kerjasama Institut Teknologi India. Parti itu kini mempunyai sebuah kolej di Seremban.

Mengenai gejala sosial, beliau berkata memandangkan masalah ini sungguh rumit, parti itu tidak mampu untuk memikul tanggungjawab itu secara bersendirian.

"Kerjasama dan perkongsian yang lebih erat dan segera perlu dijalin di antara pelbagai sektor termasuk kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan kumpulan-kumpulan tempatan," katanya.

-- BERNAMA

RV AKD